

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 29

### NETR buka peluang pelaburan sehingga RM1.85 trillion

Oleh MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID  
ekonomutusan@mediamula.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) yang memperkenalkan 10 inisiatif pemangkin utama dijangka bakal membuka peluang pelaburan di antara RM435 bilion hingga RM1.85 trillion menjelang 2050.

Menyatakan itu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata antara projek yang terlibat adalah zon tenaga boleh bahu (TBB) bersepadi milik Khazanah Nasional Berhad yang akan dilaksanakan melalui usahasama UEM dan ITRAMAS Corporation Sdn. Bhd.

Menurut beliau, loji kuasa fotovoltaik solar hibrid (PV) berkapasiti satu gigawatt (GW) itu merupakan antara yang terbesar di Asia Tenggara dan berjaya menarik pelaburan berprofil tinggi daripada blok ekonomi utama berjumlah RM6 bilion.

"NETR juga turut membuka pintu kepada pelaburan hidrogen di Sarawak bagi menjadikan-



Roadmap (NETR) Part 1  
by  
YB Rafizi Ramli  
Minister of Energy,  
Technology,  
Science and Climate  
Change  
27 July 2023

RAFIZI Ramli (tengah) dan Nik Nazmi Nik Ahmad (dua dari kiri) pada majlis pelancaran NETR Bahagian Pertama: Projek dan Inisiatif Pemangkin Utama di Kuala Lumpur, semalam.

nya sebagai hab hidrogen dan turut meletakannya di dalam rangka kerja penangkapan dan penyimpanan karbon (CCS) agar projek pemangkin itu dapat di-

laksanakan dalam tempoh dua tahun.

"Kami akan terus memanfaatkan kos teknologi yang semakin berkurangan dalam TBB

dan membina kelebihan sebagai penggerak pertama dalam pelan baharu ini dengan memindahkan pelaburan ke kawasan kawasan yang mempunyai per-

tumbuhan tinggi dan bermilat tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan perasmian NETR Bahagian Pertama: Projek dan Inisiatif Pemangkin Utama yang turut dihadiri Menteri Sumber Asli Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad, di sini, semalam.

Mengulas mengenai pelancaran NETR, Rafizi berkata, kejayaan itu menandakan perubahan penting dalam pemikiran negara di mana pelan itu bukan hanya sekadar dokumen yang mengandungi langkah sementara untuk memenuhi sasaran sifar bersih.

Ujarnya, NETR merupakan gabungan strategi dan inisiatif yang mampu mengubah ekonomi, mata pencarian dan kedudukan kita di dunia.

"Selepas beberapa bulan penglibatan, kita berjaya melancarkan Fase Pertama NETR yang membantu mengubah ekonomi dengan membuka usaha niaga menguntungkan yang baik untuk alam sekitar," ujarnya.